

SULIT
3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
November
2022
2 ½ jam

3756/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR

SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2022

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada **Kertas Jawapan** yang disediakan di dalam Kertas Peperiksaan ini.*
4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
5. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
7. *Semua kertas jawapan hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 34 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Nyatakan **dua** ciri entiti perniagaan bagi syarikat berhad.

[2 markah]

- (b) Lengkapkan jadual berikut.

Akaun Induk	Catatan Kontra
	Ambilan
Perabot	

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Juara Bimasakti Berhad pada 1 Januari 2021.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh

1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan RM2.00 sesyer

2 000 000 unit Syer Biasa RM1.50 sesyer

Pada 31 Ogos 2021, lembaga pengarah syarikat telah mengisytiharkan Dividen Interim kepada pemegang Syer Keutamaan dan RM0.50 sesyer bagi Syer Biasa.

Hitung jumlah Dividen Interim.

[3 markah]

- (d) Perusahaan Sutera Qaseh merupakan kilang produk permainan kanak-kanak yang beroperasi di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka sejak tahun 2010.

Kos tetap	RM49 500
Kos Berubah	RM150 000
Jumlah Jualan	RM300 000
Unit Pengeluaran	10 000 unit

Hitung titik pulang modal.

[3 markah]

- 2 Butik Dilaila merupakan sebuah perniagaan menjual pelbagai jenis pakaian yang beroperasi di Seremban, Negeri Sembilan.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2021

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Inventori 1 Julai 2020	40 500	
Modal		62 600
Alatan Pejabat	20 400	
Kenderaan	47 400	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		4 500
Belian dan Jualan	65 200	152 510
Pulangan	1 620	1 500
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	28 600	26 110
Gaji	27 890	
Ambilan	7 000	
Tunai	1 280	
Bank	8 810	
Peruntukan hutang ragu		1 600
Insurans	12 600	
Sewa	11 500	
Kadar bayaran	5 400	
Komisen		380
Pinjaman bank 7% (matang 30 April 2026)		29 000
	278 200	278 200

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2021 adalah seperti berikut:

Produk	Harga Kos RM	Harga Pasaran RM
Baju kurung	17 450	15 650
Baju melayu	16 740	18 490
Jubah	15 555	14 390

- (ii)

Aset Bukan Semasa	Polisi susut nilai
Alatan pejabat	15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
Kenderaan	Usia guna 6 tahun dengan nilai skrap RM7 200

- (iii) Hutang yang dihapuskan sebanyak RM200 diterima semula secara tunai.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5%.
- (v) Komisen belum terima RM1 440.
- (vi) Pinjaman bank sebanyak RM30 000 diperoleh pada 30 April 2021.
- (vii) Dokumen berikut baru diterima dan belum direkod dalam mana-mana buku.

MAKLUMAN DEBIT		
BANK CAHAYA BERHAD		
Kepada:	No. Akaun:	Tarikh:
Butik Dilaila	310341038220	29 Jun 2021
Akaun anda telah didebitkan seperti berikut:		
Butiran	Jumlah (RM)	
Caj bank	187.00	
Ringgit Malaysia: <u>Satu Ratus Lapan Puluh Tujuh Sahaja</u>		
<i>Mary Anne</i> Pengurus Cawangan		

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi berakhir pada 30 Jun 2021. [12 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021. [13 markah]

- 3 Puan Noor merupakan pemilik Simba Pet Enterprise. Berikut adalah baki-baki perniagaan pada 1 Mei 2022.

	RM
Tunai	750
Bank	15 000
Akaun Belum Terima	7 980
Akaun Belum Bayar	6 730
Kenderaan	21 000

Anggaran penerimaan dan pembayaran adalah seperti berikut:

- (i) Jualan bulan Mei adalah RM38 000 dan dijangka meningkat 10% pada bulan berikutnya. 30% daripada jualan diberi tempoh kredit selama sebulan.

- (ii) Jumlah belian adalah seperti berikut:

	RM
Mei	28 040
Jun	31 200
Julai	32 580

60% daripada belian mendapat kemudahan kredit selama sebulan.

- (iii) Perniagaan dibantu oleh 2 orang pekerja dengan bayaran gaji bulanan RM1 200 seorang dan pada bulan Jun seorang pekerja akan dinaikkan gaji sebanyak 20%.

- (iv) Anggaran belanja bulanan:

	RM
Kadar bayaran	2 160
Belanja am	1 110
Promosi	480

- (v) Pada bulan Jun, perniagaan bercadang untuk membuat pinjaman sebanyak RM54 000 dengan kadar faedah 4% setahun selama 4 tahun. Bayaran ansuran akan bermula pada bulan berikutnya.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Julai 2022.

[25 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab dua soalan sahaja

- 4 (a) Puan Soraya menjalankan perniagaan Pasaraya Mini di Selangor semenjak 1 Januari 2019. Pada tahun 2021, buku perakaunan perniagaan beliau telah musnah akibat banjir.

Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan pemilik.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Premis (kos)	100 000	?
Lengkapan (kos)	16 000	16 000
Inventori	7 150	12 410
Akaun Belum Terima	1 235	2 400
Insurans prabayar	400	-
Kadar bayaran belum bayar	-	240
Akaun Belum Bayar	950	1 050
Bank	1 407	(993)

Maklumat tambahan:

- a) Pemilik menggunakan wang sendiri untuk membayar kepada kontraktor bagi membaik pulih premis berjumlah RM20 000.
- b) Lengkapan yang dibeli pada 1 Januari 2019 disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- c) Peruntukan hutang ragu sebanyak 4% diwujudkan dari baki Akaun Belum Terima.
- d) Pemilik telah mengambil barang niaga bernilai RM300 setiap dua bulan untuk kegunaan peribadinya.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2021. [5 markah]
- (ii) Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [5 markah]

(b) Maklumat berikut dipetik daripada buku Syarikat Megah Berhad.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

Ekuiti Pemilik	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
4 000 000 unit 8% Syer Keutamaan	4 000 000
4 000 000 unit Syer Biasa	2 000 000
	6 000 000

Keuntungan syarikat yang diagihkan untuk pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember:

Tahun	Keuntungan untuk pembayaran dividen RM	Pembayaran Dividen 8% Syer Keutamaan RM	Pembayaran Dividen Syer Biasa RM
2018	750 000		
2019	300 000		
2020	-		
2021	700 000		

Anda dikehendaki menghitung:

(i) Pembayaran dividen bagi 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa dari tahun 2018 hingga 2021.

[8 markah]

(ii) Kadar dividen Syer Biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

[2 markah]

5 (a) Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Mommy Hana.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Akaun Belum Terima	2 650	2 500
Akaun Belum Bayar	1 800	1 900

Berikut adalah maklumat bagi tahun berakhir 31 Disember 2021:

	RM
Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima (termasuk hutang lapuk terpulih RM260)	11 160
Bayaran cek kepada Akaun Belum Bayar	5 700
Jualan tunai	6 780
Belian tunai	3 090
Cek dari Akaun Belum Terima tak laku	300
Hutang lapuk dihapuskan	170
Caj angkutan dikenakan oleh pembekal	130
Pulangan masuk	300
Pulangan keluar	200
Faedah dikenakan atas Akaun Belum Terima kerana lewat bayar	100
Pindahan baki dari lejar belian ke lejar jualan	550
Diskaun diterima	90
Diskaun diberi	30

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima.

[7 markah]

- (b) Fadhil dan Zaki adalah rakan kongsi dalam perniagaan Fazz Auto Centre yang menjalankan perniagaan jual beli kereta terpakai di Sungai Buloh, Selangor.

Berikut ialah perkara-perkara yang termaktub di dalam Ikatan Perjanjian:

- i) Untung atau rugi diagihkan mengikut nisbah 3:2.
- ii) Fadhil dan Zaki masing-masing dibayar gaji sebanyak RM36 000 dan RM24 000 setahun.
- iii) Faedah atas modal akan dibayar 5% setahun.
- iv) Faedah atas ambilan dikenakan 8% setahun.
- v) Faedah atas pinjaman pekongsi 6% setahun.

Petikan dari Imbangan Duga pada 30 April 2022 adalah seperti berikut:

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Modal:		
Fadhil		50 000
Zaki		30 000
Akaun Semasa:		
Fadhil		5 600
Zaki	7 800	
Ambilan Zaki (1 November 2021)	2 000	

Maklumat tambahan:

- a) Untung bersih selepas pelarasan ialah RM27 800.
- b) Tiga perempat daripada gaji Fadhil dan Zaki telah dibayar.
- c) Pada 1 Julai 2021, perkongsian telah membuat pinjaman bernilai RM20 000 daripada Fadhil untuk menampung kos perniagaan sepanjang pandemik Covid-19 yang melanda.
- d) Pekongsi Zaki akan menerima elaun sebanyak RM3 000 sebagai ganjaran menjalankan operasi perniagaan bersendirian semasa rakan kongsinya bercuti kuarantin.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2022. [5 markah]
- (ii) Akaun Semasa setiap pekongsi (beruangan). [8 markah]

- 6 (a) Kelab Futsal Galaxy telah ditubuhkan di Bandar Pontian, Johor. Berikut adalah maklumat perakaunan kelab tersebut.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran					
2021		RM	2021		RM
Jan 1	Baki b/b	2 460	Dis 31	Alat tulis	890
Dis 31	Yuran ahli 2020	650		Akhbar dan majalah	1 600
	Yuran ahli 2021	9 750		Belanja gelanggang	2 110
	Yuran ahli 2022	400		Jamuan dan minuman	1 240
	Yuran masuk	720		Alatan sukan	3 460
	Yuran pertandingan	2 600		Kadar bayaran	1 020
	Sewa gelanggang	650		Hadiah pertandingan	1 570
	Derma	12 000		Elaun jurulatih	2 400
		<u>29 230</u>		Baki h/b	14 940
					<u>29 230</u>

Maklumat tambahan:

- i) Aset dan liabiliti kelab adalah seperti berikut:

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Inventori alat tulis	110	90
Alatan sukan (kos)	6 620	9 280
Perabot	9 000	9 000
Yuran ahli belum terima	800	1 000
Kadar bayaran belum bayar	-	250

- ii) Yuran masuk dianggap sebagai penerimaan hasil.
 iii) Derma yang diterima adalah untuk membina gelanggang futsal baru.
 iv) Perabot disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
 v) Polisi kelab menetapkan yuran ahli yang belum terima melebihi setahun hendaklah dihapuskan sebagai yuran lapuk.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Akaun Yuran Ahli. [4 markah]
- (ii) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [8 markah]

(b) Maklumat di bawah dipetik daripada buku perniagaan Ariff Hayqal Trading.

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2022 (petikan)		
	RM	RM
Sewa diterima		4 800
Dividen diterima		1 200
Insurans	3 600	
Gaji	13 500	

Maklumat tambahan:

- a) Sewa belum terperoleh RM400.
- b) Gaji bulanan pekerja RM1 500.
- c) Insurans tahunan RM3 000.
- d) Dividen tahunan RM1 500.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Sewa diterima [2 markah]
- (ii) Akaun Gaji [2 markah]
- (iii) Akaun Insurans [2 markah]
- (iv) Akaun Dividen diterima [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Halaman Kosong

ceraikan helaian ini



NO KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA : _____

KELAS : _____

KERTAS JAWAPAN

ARAHAN KEPADA CALON

1. *Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama dan kelas anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
3. *Ceraikan helaian jawapan daripada kertas peperiksaan ini.*
4. *Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

NO. SOALAN	MARKAH	
BAHAGIAN A		
1		10
2		25
3		25
BAHAGIAN B		
4		20
5		20
6		20
JUMLAH		100

Halaman Kosong

ceraikan helaian ini

1 (a)
1 (b)
1 (c)
1 (d)

5 (b) (i)			

6 (a) (i)					

ceraikan helaian ini

6 (a) (ii)			

ceraikan helaian ini

6(b)(i)					
6(b)(ii)					
6(b)(iii)					
6(b)(iv)					

Halaman Kosong

